



## World Bonsai Friendship Federation, Inc

E-1 Hwa Hwe Danji 1262  
Wondang Dong DeokYang Gu Goyang Si  
Gyeong Gi Province  
Republic of Korea  
Webpage: [www.wbffbonsai.org](http://www.wbffbonsai.org)

### Mohd Said Bin Adul Hadi

Seorang ahli aktif Pengley Bonsai Club, dilahirkan di Negeri Sembilan dan kini menetap di Batu Pahat, Johor. Berusia 49 tahun serta bapa kepada empat orang anak, beliau mula menceburi dunia bonsai pada tahun 2010 dan semakin aktif sejak 2015. Sepanjang penglibatannya, beliau telah mencatat pelbagai pencapaian penting, termasuk berkhidmat sebagai Naib



Presiden Legasi Bonsai Johor dari 2017 hingga 2024, AJK MPACS antara 2017 hingga 2021, serta Setiausaha Persatuan Penanam Bonsai Muar pada 2019. Beliau juga pernah menjawat jawatan Timbalan Naib Presiden SABAS dari 2019 hingga 2021.

Selain itu, Mohd Said telah menyertai dan menguruskan pelbagai pertandingan bonsai di peringkat kebangsaan, antaranya Bonsai Race 2017, pertandingan di Kluang 2017, serta BCI 2018 di Cheras. Beliau turut mendalami ilmu penjurian daripada arwah Master Matyie Bohori ketika pertandingan dijalankan. Dari tahun 2018 hingga 2025, beliau berperanan sebagai pentadbir dalam beberapa pertandingan tertutup dan kebangsaan anjuran Lembaga Pelabuhan Johor (LBJ), SABAS, serta Persatuan Bonsai Penang dan Koperasi Bonsai Kelantan.